

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah menteri sedar bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Labuan FSA dari kategori '*General Trading and Services*' sekarang selepas '*Economic Substance Requirement*' (ESR) dilaksanakan terkeluar dari senarai jadual '*Labuan Business Activity Tax Act 1990*' (LBATA). Padahal kategori yang sama adalah layak untuk masuk jadual tersebut di '*jurisdictions*' lain. Ini menyebabkan sekarang syarikat-syarikat antarabangsa tersebut dikenakan '*income tax*' antara 17% ke 24% bukan lagi 3%. Perkara ini sangat '*urgent*' untuk dibetulkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula 1 Januari 2019, entiti Labuan yang ingin menikmati kadar cukai keutamaan, atau dengan izin *preferential rate*, untuk aktiviti perniagaan di bawah Akta Percukaian Perniagaan Labuan (LBATA) 1990 perlu mematuhi syarat substantif iaitu mempunyai pekerja sepenuh masa di Labuan dan perbelanjaan operasi tahunan di Labuan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak Bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) 2018. Syarat substantif ini diperkenalkan bagi memastikan Malaysia mematuhi piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan untuk aktiviti perkhidmatan yang bersifat *mobile geographically* bagi menyokong kemasukan pelaburan asing.

Peraturan yang ditetapkan ini diperkemas dan diperkasakan dari semasa ke semasa bagi memastikan hanya aktiviti yang memfokuskan kepada aktiviti berkaitan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa di Labuan diberikan kadar cukai *preferential*, dengan izin, serta bagi mengelak pertindihan insentif cukai yang ditawarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pada masa ini aktiviti *general trading and services* dengan izin **tidak** dimasukkan sebagai salah satu aktiviti Labuan kerana aktiviti ini tidak termasuk dalam kategori Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa. Namun, aktiviti ini ada ditawarkan galakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu Hab Prinsipal dan Syarikat Perdagangan Antarabangsa Malaysia.

Sekian, terima kasih.